

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 18: 12 Mei 2025

UPSI Cungkil Jaguh Baharu Menerusi KUESTA 2025

Tanjong Malim, 7 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkasa budaya sukan dan kecergasan dalam kalangan warganya menerusi penganjuran Karnival Sukan Staf UPSI (KUESTA) 2025, sebagai persediaan menghadapi temasya Sukan Universiti Malaysia (SUKUM) 2026. Penganjuran KUESTA kali ini memberi tumpuan kepada acara sukan berprestasi tinggi dan bersifat selektif, sejajar dengan usaha melahirkan atlet yang mampu bersaing di peringkat kebangsaan. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, penganjuran KUESTA 2025 merupakan satu langkah strategik untuk meningkatkan penyertaan aktif dalam sukan serta membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan seluruh warga universiti.

"UPSI sentiasa menyokong program amalan gaya hidup sihat dan budaya bersukan. KUESTA ini bukan sahaja platform untuk bersaing, tetapi juga sebagai ruang memperkasa semangat kesukan dalam kalangan staf dan pelajar. "Budaya bersukan tidak seharusnya terhenti selepas tamat penganjuran KUESTA, sebaliknya perlu diteruskan sepanjang tahun dengan melibatkan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) secara aktif. Beliau berkata demikian ketika merasmikan KUESTA 2025 bertempat di Stadium UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, hari ini.

"UPSI percaya bahawa setiap warga kita memiliki potensi besar dalam sukan. Dengan pendekatan 'Impossible is Nothing', kita yakin dapat mencungkil dan membentuk bakat baharu yang mampu membawa nama UPSI ke persada kebangsaan," ujar beliau. Dalam pada itu, majlis ini juga turut menyaksikan acara perarakan kontinjen terbaik yang dimenangi oleh kontinjen Kapten Yazid, manakala di tempat kedua dimenangi oleh kontinjen Ungku Omar dan ditempat ketiga disandang oleh kontinjen Harun Aminurrashid. Sementara itu, Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga UPSI yang hadir serta kontinjen yang bertanding dalam KUESTA 2025.

Beliau berkata, penganjuran sukan kali ini bersifat lebih selektif dengan memfokuskan kepada sukan prestasi tinggi sebagai persiapan awal untuk menghadapi kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2026. "Sebanyak 20 acara sukan dipertandingkan dalam KUESTA yang berlangsung dari 2 Mei hingga 11 Mei, melibatkan penyertaan lapan kontinjen yang terdiri daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ).

"Ini membuktikan komitmen tinggi warga UPSI terhadap pembangunan sukan di universiti ini. Menurut Helmi, Pusat Sukan UPSI telah diberi amanah untuk merancang dan melaksanakan pelbagai program kecergasan, dan beliau menyeru seluruh warga universiti untuk aktif menyertai setiap program yang dianjurkan. "Saya juga menggalakkan mana-mana PTJ yang berminat untuk menganjurkan aktiviti kecergasan supaya berkolaborasi dengan Pusat Sukan, dalam usaha memperluaskan budaya bersukan di UPSI.

Helmi berkata, rombak kontinjen UPSI bagi tempoh 2025 hingga 2029 mengambil kira bilangan staf, jantina, gred dan umur, bagi memastikan penglibatan yang lebih menyeluruh dan inklusif dalam setiap pertandingan. "KUESTA 2025 bukan sekadar acara *one-off*. Ia mesti menjadi permulaan kepada budaya sukan yang berterusan dan amalan gaya hidup sihat sepanjang tahun. "Diharapkan penganjuran kali ini dapat melahirkan bakat-bakat sukan berkualiti yang mampu diketengahkan untuk mewakili UPSI pada SUKUM 2026 kelak," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI pelopori latihan keusahawanan OKU penglihatan

Tanjong Malim, 8 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) bagi memperkasa komuniti kurang upaya (OKU) penglihatan melalui latihan keusahawanan dan bimbingan perniagaan. Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, melalui persefahaman itu, UPSI akan menerajui pelaksanaan program latihan keusahawanan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain, selain menawarkan program Diploma Keusahawanan secara pesisir khas untuk OKU penglihatan. Beliau berkata, kerjasama strategik itu membuktikan iltizam UPSI untuk memperluaskan akses pendidikan, keusahawanan dan peluang ekonomi kepada golongan tersebut.

“Ini adalah inisiatif inklusif pertama seumpamanya di negara ini dan kami berbangga menjadi pelopor dalam usaha ini,” katanya. Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UPSI dan MAB di Kompleks MAB, Kuala Lumpur semalam. Pada majlis itu, MAB diwakili oleh Presidennya, Tan Sri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar.

Md Amin berkata, MAB akan berperanan sebagai pembekal

utama produk keusahawanan yang dihasilkan menerusi program pembangunan usahawan penglihatan, dan produk itu akan dikomersialkan menerusi kios strategik di UPSI. Sementara itu, Tengku Azlan berkata, MoU tersebut membuka lembaran baharu dalam memperkasakan komuniti OKU penglihatan melalui bidang keusahawanan.

“Setiap tahun, lebih 3,000 individu kurang upaya penglihatan mendapat manfaat daripada program yang ditawarkan MAB,” katanya. Pada majlis itu turut dilancarkan buku ‘Memperkasa Asas Berniaga (MAB): Dalam Kalangan Usahawan Kurang Upaya Penglihatan’ yang diterbitkan oleh UPSI dalam format fizikal, Braille dan audio. Tengku Azlan berkata, penerbitan buku dalam format e-book dan Braille itu menandakan komitmen serius dalam menyediakan sumber ilmu yang lebih inklusif di negara ini.

“MAB kini berkembang daripada sebuah pertubuhan kebajikan kepada pusat pembangunan komuniti menyeluruh dengan menawarkan latihan vokasional, kaunseling, penempatan pekerjaan, pembangunan keusahawanan serta percetakan Braille,” katanya.

Delegasi KHAR Timba Ilmu Diplomasi dalam Lawatan ke Konsulat Jeneral Malaysia di Thailand

Songkhla, 9 Mei - Delegasi Kolej Harun Aminurrashid (KHAR) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan sesi diskusi perkongsian pendapat dan pengalaman bersama Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla, Thailand.

Program ini merupakan sebahagian daripada lawatan akademik yang bertujuan memberi pendedahan secara langsung kepada peserta lawatan mengenai peranan perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara.

Sesi diskusi tersebut dikendalikan oleh Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Tuan Ahmad Fahmi Tuan Sarkawi yang berkongsi pengalaman beliau dalam menguruskan pelbagai aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand, khususnya melibatkan kebajikan rakyat Malaysia, pendidikan dan hubungan budaya serantau. Para delegasi berpeluang mengemukakan soalan serta berkongsi pandangan mengenai isu-isu antarabangsa, diplomasi moden dan cabaran yang dihadapi oleh perwakilan Malaysia di luar negara.



Projek Pemindahan Ilmu (KTP) - Pengaplikasian Lembaran Kerja ‘Exsheetlink’ bagi Merekod Transaksi Perniagaan untuk Tujuan Pemantauan Untung Rugi Perniagaan Secara Berkala dan Sistematis dalam Kalangan Usahawan

Projek KTP ini bertujuan berkongsi ilmu pengurusan kewangan dengan 30 usahawan Hulu Perak melalui penggunaan ExsheetLink, membantu mereka mengurus transaksi secara sistematik dan efisien. Program berlangsung pada 5 Oktober 2024 di Dewan Persidangan Gerik.

Ilmu Yang Berjaya dipindahkan:

Program ini menekankan kepentingan merekod transaksi perniagaan, memperincikan kos penerimaan dan pengeluaran serta memberi pendedahan praktikal penggunaan Excel (ExSheetLink) untuk laporan untung rugi yang sistematik.

Hasil Akhir kepada Industri:
Peserta program

memperoleh kemahiran menggunakan ExSheetLink untuk merekod transaksi harian, memudahkan kawalan perbelanjaan dan perancangan pendapatan secara sistematik, seterusnya meningkatkan keuntungan perniagaan dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:
Graduan sebagai pemudahcara projek membina kebolehpasaran tinggi dengan mempelajari pengurusan dan komunikasi berkesan demi memastikan kejayaan projek mengikut matlamat.

Pulangan Akhir kepada UA:
UPSI menjadi pusat

rujukan usahawan dalam kewangan dan cukai melalui kolaborasi komuniti, penglibatan akademik FPE serta input langsung industri untuk penyelidikan.

Isu/Cabaran Projek:

Kebanyakan peserta kurang asas kewangan, memerlukan latihan berterusan, belanjawan tambahan, sesi susulan, serta bimbingan lanjut kerana silibus padat dan kekangan masa.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama:

Dr. Nor Sa'adah binti Jamaluddin (Ketua) - FPE
Profesor Madya Dr. Noor Lela binti Ahmad - FPE
Dr. Siti Zubaidah Binti Mohd Ariffin - FPE
Dr. Rusliza binti Yahaya - FPE
Abdul Rahman bin Zainal (GI)

